SOALAN NO: 457

JAWAPAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**BUKAN LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [KAPAR]**
TARIKH	:	
SOALAN	:	

YB Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

i. sebab-sebab ganja diharamkan sedangkan rokok tidak diharamkan di Malaysia. Adakah ini bermaksud ganja lebih berbahaya daripada rokok atau tembakau. Jelaskan dengan contoh-contoh, mudarat dan bahaya penggunaan ganja berbanding dengan rokok dan tembakau; dan

ii. sama ada penggunaan poppy seed (biji ganja) pada makanan seperti kek adalah haram di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, sedangkan ini adalah perkara biasa di negara-negara Eropah dan India.

Tuan Yang Di Pertua,

Ganja diharamkan di Malaysia atas sebab-sebab berikut :

i. Ia boleh menyebab "psychosis" dan "precipitate early presentation Of psychiatric Illness "seperti skizophrenia & bipolar disorder"

ii. Penggunaan yang kronik boleh menyebabkan "amotivational syndrome " dan "cognitive impairment".

iii. Ganja biasanya dikaitkan dengan lebih banyak masalah sosial dan jenayah kerana kesukaran untuk mendapatkannya berbanding rokok yang mudah dibeli atau diperoleh dimana-mana.

iv. Rokok juga elok diharamkan kerana kesan kemudaratan kepada kesihatan manusia terutaman kaitannya dengan pelbagai jenis kanser yang mengancam nyawa dan membawa maut selain kesan ketagihan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY

[KAPAR – PKR]

SOALAN (NO.458)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

a) apakah usaha-usaha Kementerian dalam mempromosikan dan memperkasakan sukan-sukan tempatan (tradisional) seperti wau, congkak, gasing, konda-kondi dan kabaddi di kalangan belia di Malaysia; dan

b) apakah Kementerian mampu meneliti cadangan untuk membina sebuah Kompleks Sukan di Parlimen Kapar untuk manfaat penduduk setempat. Parlimen Kapar mempunyai rekod pengundi terbanyak di Malaysia iaitu seramai 150,000 pengundi dan kepadatan penduduk hampir 600,000 orang, maka adakah rekod sebegini akan diperhalusi oleh Kementerian sebelum membuat keputusan terhadap cadangan pembinaan sebuah Kompleks Sukan di Parlimen Kapar.

JAWAPAN

Yang di-Pertua

1. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa memfokuskan sukan-sukan berprestasi tinggi namun sukan bukan teras juga tidak diabaikan termasuklah sukan tradisional. Justeru itu, Kementerian telah merancang, menyelaras dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sukan yang diminati bagi menarik minat masyarakat untuk menyertai program-program yang disediakan.

2. KBS juga mewujudkan Jawatankuasa Bersama KBS/KPT/KPM Program Pembangunan Sukan agar aktiviti sukan untuk semua termasuklah sukan tradsional dapat dilaksanakan secara lebih efektif. Ini dapat dibuktikan melalui sukan tradisional seperti sukan kabaddi tidak hanya dimainkan oleh masyarakat India sahaja malah bangsa lain turut melibatkan diri dalam sukan ini. Kini sukan kabaddi merupakan salah satu sukan berprestasi tinggi yang dipertandingkan dalam Kejohanan Sukan Malaysia.

3. KBS juga bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dalam mempromosi sukan tradisional bukan sahaja di kalangan masyarakat setempat malah turut diperkenalkan kepada pelancong-pelancong luar negara bagi menarik minat mereka untuk menjadikan Malaysia sebagai Negara yang menarik untuk dilawati.

145

4. Sebagai tambahan, KBS buat masa ini tiada perancangan untuk membina Kompleks Sukan di Parlimen Kapar. Walau bagaimanapun terdapat 14 buah Gelanggang Futsal 1 Malaysia dan 1 Gelanggang Futsal 1 Mukim yang dibina di bawah RMK9 dan RMK 10 di Parlimen Kapar.

Sekian, terima kasih.